

ANALISIS KES PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH NAFKAH MAHKAMAH SYARIAH

Jazilah Mohd Saad @ Mat Saud

ABSTRAK

Keberkesanan sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bergantung kepada kepatuhan terhadap perintah yang dikeluarkan. Apabila berlaku ketidakpatuhan, tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah perlu dimulakan bagi memastikan kepatuhan dapat dikembalikan. Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang berkesan pula bergantung kepada mekanisme penguatkuasaan dan pelaksanaan yang dibuat setelah ketidakpatuhan tersebut dikenalpasti. Walau bagaimanapun sebelum menentukan mekanisme penguatkuasaan yang sesuai dengan ketidakpatuhan, punca ketidakpatuhan perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Justeru tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menganalisa kes penguatkuasaan perintah nafkah bagi mengenalpasti punca ketidakpatuhan dan pengabaian perintah tersebut. Pendekatan analisis kandungan "content analysis" akan digunakan kerana ia sesuai untuk mengenalpasti isu dan masalah mahkamah Syariah yang dipilih dalam menyelesaikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan. Melalui analisis kandungan' latar belakang kes serta pendekatan yang digunakan oleh mahkamah akan dikenal pasti. Data dari kajian ini kemudian dibentangkan dalam secara deskriptif dan inferensi untuk menjelaskan kekerapan dan peratusan pembolehubah yang dikaji. Kajian ini seterusnya mendapati selain daripada tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan, pencegahan awal untuk mengelakkan ketidakpatuhan perintah bermula daripada pengeluaran perintah lagi. Nalisa mendapati terma perintah dalam kes penguatkuasaan tidak jelas dari sudut terma dan bagaimana pelaksanaan perintah tersebut perlu dilaksanakan. Bagi perintah pembayaran kaedah pembayaran juga tidak ditentukan. Justeru artikel ini mencadangkan supaya penghakiman/perintah nafkah yang dikeluarkan dibuat penambahbaikan bagi membolehkan perintah yang dikeluarkan boleh dilaksanakan secara sukarela "on the voluntarily basis" tanpa perlu kepada penguatkuasaan. Kelemahan yang ditemui perlu ditangani dan kajian perlu dibuat pada masa depan untuk mengenalpasti cara terbaik untuk mengatasi kelemahan tersebut.

Kata kunci: Ketidakpatuhan, perintah nafkah, mahkamah syariah, penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah

Abstract

The effectiveness of an order issued by the court depends on compliance with the order issued. In the event of non-compliance, the enforcement and execution of the order should be initiated to ensure compliance is restored. Enforcement and effective implementation of the order will depend on enforcement and enforcement mechanisms after the non-compliance is identified. However, before determining the enforcement mechanisms that are in compliance with non-compliance, the cause of non-compliance must be identified first. Hence the purpose of writing this article is to analyze the case of the compensation order to determine the cause of non-compliance and the neglect of the order. Content analysis approach "content analysis" will be used as it is appropriate to identify the issues and problems of the selected Syariah courts in resolving enforcement and enforcement cases. Through content analysis, background cases as well as approaches used by the courts will be identified. Data from this study is then presented in

descriptive and inferential to explain the frequency and percentage of variables studied. This study finds that apart from enforcement and enforcement actions, early prevention to prevent non-compliance is a must. It is also found that the terms stated in the order sometimes was unclear so that the execution process was also unclear. Channel and method to execute payment order was also not specified. Therefore, this article proposes that the judgment /order issued should be very clear and able to execute in order to promote compliance on voluntarily basis. The weaknesses found should be addressed in future studies to identify the best method to implement it well.